

RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE-35 MUSIM HAJI 1439H
9 – 11 NOVEMBER 2018

Pembelajaran manasik haji dengan jelas boleh menyelesaikan banyak permasalahan dalam menunaikan fardhu haji dan umrah. Justeru penekanan untuk menghadiri kursus haji adalah amat penting.

Pertama: Niat ihram umrah atau haji perlu dijelaskan dengan terperinci agar tidak timbul sebarang kesulitan selepasnya. Ini kerana sifat niat adalah *luzum* (mengikat).

Kedua: Haid dalam penentuan *fatrah naqa'* boleh dilihat semula berdasarkan suasana uruf yang memerlukan “إعادة النظر” (Eaddah An-Nazar) sesuai dengan waktu tawaf.

Tempoh *al-naqa'* ditentukan berdasarkan pengalaman, realiti dan kebiasaan *fatrah al-naqa'* yang dialami oleh seseorang individu jemaah Haji wanita terbabit sebelumnya, dengan tidak menentukan tempoh masa tertentu dan syarat-syarat darah tidak keluar semasa melakukan tawaf.

Ketiga: Peraturan kerajaan Arab Saudi tidak menggalakan jemaah haji menziarahi tempat-tempat luar manasik haji semasa musim haji termasuk Taif. Tawaf wada' hendaklah dilakukan jika jemaah haji pergi ke Taif melalui mana-mana laluan kerana melebihi dua marhalah.

Keempat: Adalah diharuskan solat berjemaah dengan berimam kepada imam Masjidil Haram di surau yang mana hotelnya bersambung dengan dataran atau kawasan Masjidil Haram. Keharusan ini terpakai ketika *zahmah qaswa* (sangat sesak) seperti waktu kemuncak haji dan solat Jumaat. Walaupun begitu, digalakkan turun untuk solat bersama imam di masjid dan bukanlah solat di hotel.

Kelima: Tawaf Ifadah dalam keadaan haidh kerana *masyaqqah* dan *dharurat* hukumnya adalah sah, sama ada kerana:

- Pengangkutan seperti bas atau tiket kapal terbang yang telah *confirm*.
- Penginapan seperti kos hotel.
- Bebanan kewangan kerana tambahan perbelanjaan.
- Tiada rakan bersamanya yang mahu menunggu.

Tetapi perlu dibayar dam seekor unta. Sekiranya tidak mampu, hendaklah membayar dam dengan seekor kambing.

Keenam: Istito'ah ialah syarat utama untuk pelaksanaan haji. Konsep istito'ah hendaklah dilihat dari semua sudut selaras dengan mafhum nas *al-zad wa al-rahilah* (ada bekalan dan keperluan) dan *amn al-tariq* (aman dalam perjalanan) dan juga *tasrih* (kuota dan visa kebenaran haji). Justeru mempunyai wang yang cukup dengan jumlah harga semasa adalah diantara syarat Istito'ah yang penting tanpa bergantung kepada sumber lain termasuk kewangan yang mencukupi sebelum, semasa, dan selepas menunaikan haji. Dengan mengambil kira jumlah pendaftaran haji yang sangat tinggi (lebih 3 juta orang) dan tempoh menunggu yang terlalu lama (114 tahun), adalah perlu dikaji semula sistem pendaftaran haji dan pemilihan bakal haji seperti menetapkan had umur kelayakan, mempunyai tahap kesihatan yang baik serta mampu menghadapi kesukaran ketika bermusafir ke Baitullah, individu lanjut usia yang tidak mampu menguruskan diri wajib dibadalkan jika kemampuan dari segi kewangan.

Ketujuh: Konsep *nazafah* (kebersihan) menjadi elemen utama dan penting dalam kesempurnaan iman juga dalam meraih kesempurnaan dan kemabruran haji. Kefahaman ini perlu diterjemahkan dalam apa jua aktiviti jemaah haji Malaysia di mana-mana jua.

Kelapan: Kaedah menentukan kategori perbuatan atau aktiviti Jemaah Haji Malaysia dalam tempoh menunggu selepas tawaf wada` hendaklah ditentukan berdasarkan kepada penilaian `uruf semasa.

Walau bagaimanapun perbuatan atau aktiviti tersebut mestilah tidak terkeluar daripada sifatnya sebagai sebab *safar* dan *mazannat al-iqamah* (keinginan untuk menetap di Mekah).

Setelah jemaah selesai melakukan semua urusan safar maka perbuatan yang dilakukan dalam tempoh menunggu tidak lagi dikategorikan sebagai *mazannat al-iqamah*.